

P. RAMLEE ADALAH “WALI SENI”

***“Masjid Sultan di Singapura menyedekahkan
al-Fatihah setiap Jumaat kepada P. Ramlee.
P. Ramlee ni tahap wali... Wali Seni...”***

Ustaz Dato’ Badlishah Alauddin,
Timbalan Mufti Negeri Pahang



MUKADIMAH

Tulisan ini cuba melihat sisi lain Seniman Agung Tan Sri Dr. P. Ramlee yang “rare” dan kurang dibincangkan, iaitu dakwah.

Jika Wali Songo berdakwah menggunakan wayang kulit, P. Ramlee pula menghantar mesej dakwah dalam bentuk kritikan sosial, nasihat, jenaka dan sindiran dalam filem dan lagu, serta karakter uniknya.

- DR. BAM AL-HAJ
1 Januari 2025

MAKSUD “WALI”

Perkataan “wali” mempunyai pelbagai definisi. Umumnya perkataan “wali” merujuk kepada penjaga, pemerintah atau orang yang dipercayai. Dari sudut bahasa, “wali” bermaksud “dekat atau hampir”.

Dalam Islam, “wali” merujuk kepada “orang yang dikasihi oleh Allaah *Subhanahu wa Ta’ala*, selalunya disebut *waliullaah* atau *aulia*’.

Wali Allaah *Subhanahu wa Ta’ala* ialah golongan yang dekat dengan-Nya, dan dipermudahkan urusannya, serta diberi kasih sayang ke atasnya, mereka hampir dengan Allaah *Subhanahu wa Ta’ala*, dengan keredhaan-Nya.”

Dalam konteks urusan agama, “wali” merujuk kepada seorang lelaki yang diberi kuasa mengikut hukum syarak untuk menikahkan seorang perempuan dengan seorang lelaki yang bukan muhrimnya, selalunya bapa atau saudara lelaki.

Wali nikah ini terbahagi kepada tiga, iaitu:

- ✓ Wali Nasab (*Wali Mujbir, Wali Bukan Mujbir, Wali Aqrab dan Wali Ab’ad*)
- ✓ Wali Raja/Wali Sultan/Wali Hakim/Wali Am
- ✓ Wali *Tahkim* (apabila tiada wali nasab atau wali hakim)

Dalam hal kenegaraan, “wali” merujuk kepada ketua atau pemimpin yang dipilih menjadi pemerintah utama sesebuah kerajaan.

Dalam bidang lain seperti seni dan bidang lain, “wali” adalah seseorang yang dianggap ikon atau sering dijadikan rujukan kerana pencapaiannya yang luar biasa atau “outstanding”.

Mungkin P. Ramlee dalam kategori ini - iaitu “Wali Seni”. Benarkah?

GURU-GURU AGAMA P. RAMLEE

Di Pulau Pinang, P. Ramlee sempat “berguru” dengan Sheikh Abdullah Fahim (nama sebenar: Tuan Guru Haji Abdullah bin Haji Ibrahim bin Ahmad bin Abdullah (1869-1961), seorang ulama tersohor.

Beliau merupakan datuk kepada mantan Perdana Menteri kelima iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi. P. Ramlee mempelajari fikah (*fiqh*) dan ilmu tasawuf daripada beliau.

Menurut Mokhtar Petah, P. Ramlee juga pernah berguru dengan Sheikh Hussein Bakar Rafie, Haji Ahmad Fuad Hassan (PAS) dan Haji Sulaiman Palestin (UMNO).

Guru mengaji P. Ramlee ialah Mak Minah Kasar. Suara P. Ramlee yang jelas sebutannya dan kerajinannya mengaji memudahkannya khatam al-Quran.

Pada bulan Ramadhan, selepas mendirikan Solat Tarawih, P. Ramlee akan mengikuti kelas mengaji hingga larut malam.

Minatnya dalam agama diteruskan semasa di Singapura. Beliau menyambung pengajian agamanya dengan seorang guru agama (kiai) yang terkenal di sana, iaitu Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin, bapa kepada Tun Hamdan Sheikh Tahir, mantan Yang DiPertua Negeri Pulau Pinang yang keenam.

Di Studio Jalan Ampas pula, P. Ramlee sering merujuk hal-hal berkaitan agama kepada Haji Mahadi yang begitu arif dan mahir dalam selok-belok agama Islam.

Pelakon Haji Mahadi merupakan anak kepada seorang ulama Nusantara yang terkenal, iaitu Sheikh Muhammad Said Jamaluddin al-Linggi. Haji Mahadi pernah mendapat pendidikan di Madrasah al-Falah, Makkah al-Mukarramah.

Di samping itu, P. Ramlee juga pernah merujuk skrip filem-filem tertentu kepada Jabatan Agama Islam Johor untuk memastikan kesahihan sesuatu hukum.

Latar belakang bapanya Nyak Puteh yang berketurunan bangsawaan (*oleebalangcut*) di Desa Cunda, Lhoksemawe, Aceh, pegangan agamanya cukup kuat. P. Ramlee dibesarkan dalam suasana keluarga yang kuat beragama dan berpegang kepada adat dan agama.

Menurut SN Datuk Abdullah Hussain, pada malam P. Ramlee dan Sukardi bertolak ke Singapura, bapanya berpesan: “Jaga nama ibu bapamu, jangan jual agama dan bangsa.”

KEKUATAN PEGANGAN AGAMA

SN Datuk Abdullah Hussain sendiri pernah menyaksikan P. Ramlee berhujah tentang agama, sehingga jika calang-calang orang boleh mati akal dengan hujah-hujahnya.

Beliau dan P. Ramlee biasanya menunaikan Solat Maghrib berjemaah di sebuah masjid di Serangoon Road. P. Ramlee pernah menderma sebanyak RM3,000.00 di masjid tersebut yang kini dikenali sebagai Masjid Sultan. Bagaimanapun, menurut SN Datuk Abdullah Hussain, oleh sebab derma itu disampaikan melalui orang tertentu, kemungkinan wang itu telah dilesapkan.

P. Ramlee juga tidak pernah ketinggalan menderma kepada anak-anak yatim. Persatuan dan rumah anak-anak yatim yang datang kepadanya memohon sumbangan tidak pernah pulang dengan tangan kosong.

Dalam hal bersedekah ini, P. Ramlee bukan bersedekah ketika beliau banyak wang sahaja. Biarpun ketika beliau kekurangan wang, beliau tetap memberikan sedekah semampu mungkin. Beliau sanggup melakukan apa sahaja untuk menolong orang lain yang sedang kesusahan.

Itulah sebabnya P. Ramlee hidup sederhana dan dikatakan tidak meninggalkan harta yang banyak setelah pemergiannya, kecuali insuran bernilai RM100,000.00 untuk anak-anak dan isterinya Saloma pada 1973. Nilai RM100,000.00 itu sekarang mungkin RM1 juta.

Hidupnya tidak mewah seperti orang kaya. A. Samad Said yang seangkatan dengan P. Ramlee di Singapura pernah bersajak:

*Tapi, alhamdulillah
ia bukan insan seni penyulap harta negara
ia bekalkan pusaka
lebih berharga, bermaruah
bagi bangsanya.*

Sebagai sifatnya orang yang berpegang kepada agama, P. Ramlee telah berjaya memujuk Shaw Brothers untuk membenarkan sebuah berek kosong di rumah bintang-bintang filem di Boon Teck Road dijadikan surau untuk menunaikan solat dan tempat belajar mengaji untuk anak-anak artis yang tinggal di situ. Menurut Yusnor Ef, surau itu dikelolakan oleh Allahyarham Mustafa Yassin dan Allahyarham Wak Mustarjo.

Walaupun tidak terlibat dalam rusuhan agama membela Natrah (Bertha Hertog) pada tahun 1950-an, P. Ramlee pernah membantu korban rusuhan memulihkan restoren Islam sesudah pemiliknya dibebaskan dari penjara.

P. Ramlee juga pernah menghalau sekumpulan anak muda Melayu yang berfahaman atheis yang datang ke rumahnya untuk cuba mempengaruhinya.

P. Ramlee juga dikatakan percaya kepada mistik yang berpunca daripada ilmu tasawuf yang dipelajarinya daripada seorang guru agama di Johor. Beliau juga pandai merawat orang dengan cara rukyah (bacaan doa).

(Sumber: *P. Ramlee Di Cakera Nusantara* (2005), h. 20-32).

P. RAMLEE JADI BILAL MASJID

Tahukah anda bahawa P. Ramlee pernah menjadi bilal? Sebelum berhijrah ke Singapura bersama sahabatnya Sukardi pada 1948, P. Ramlee pernah menjadi bilal atau *muazzin* selama dua tahun (1946-48) di Masjid Kampung Jawa, Georgetown, Pulau Pinang.

Lontaran azan P. Ramlee amat unik kerana dilafazkan seakan mendayu-dayu, seperti yang kita boleh saksikan dalam filem *Semerah Padi*.

Menurut Prof. Madya Dr. Mursyidin Zakaria dari Universitas Malikussaleh, Lhokseumawe, Aceh, azan P. Ramlee itu adalah azan gaya Aceh di kampung-kampung di sana sampai ke hari ini.

P. RAMLEE SENIMAN KETUHANAN

P. Ramlee sering berkata kepada para wartawan bahawa beliau adalah “Seniman Ketuhanan”. Katanya:

“Seni saya bukan kerana wang, tetapi seni saya adalah kerana Allaah semata-mata.”

Biasanya, sebelum memulakan penggambaran sesebuah filem, P. Ramlee sering memohon restu dan petunjuk daripada Allah *Subhanahu wa Ta’ala* dengan menganjurkan majlis bacaan doa selamat.

P. Ramlee adalah satu-satunya pengarah filem Melayu pertama yang berani menerapkan unsur-unsur Islam ke dalam karyanya, walaupun penerbit filemnya adalah terdiri daripada orang bukan Islam. Begitu juga dengan lagu-lagu ciptaan dan nyanyiannya.

Mungkin disebabkan penerbitnya terdiri daripada orang bukan Islam, beliau mencipta dialog-dialog yang umum dan tidak mengambil ayat-ayat al-Quran dan Hadith secara langsung seperti para pendakwah sekarang.

Menurut P. Ramlee lagi, apabila kita mengenal dan mendekati Allaah *Subhanahu wa Ta’ala*, maka segala cita-cita kita ingin mengangkat martabat agama dan budaya bangsa lebih mudah untuk diterjemahkan dan ia akan kekal selamanya.

Ketika membentangkan kertaskerja dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada 1971, P. Ramlee menyatakan:

“Sesungguhnya saya sedar, beberapa ketika ini filem-filem Melayu agak sedikit mundur, tetapi pada pemerhatian saya ia hanya seketika sahaja.”

“Saya bukan Tuhan yang boleh menentukan atau memastikan sesuatu. Namun saya tetap berkeyakinan, bahawa filem Melayu akan lebih maju lagi di masa akan datang, percayalah. Rahasianya terletak di tangan bangsa Melayu itu sendiri.”

“Yang paling utama masyarakat Melayu itu sendiri harus memberi sokongan kepada perkembangan filem Melayu. Kalau bukan masyarakat Melayu sendiri yang menghargai budaya seni Melayu, siapa lagi?”

THE MOST VERSATILE TALENT

Anugerah *The Most Versatile Talent* diberikan kepada P. Ramlee di Festival Filem Asia Ke-10 di Tokyo yang berlangsung pada 14 hingga 19 April 1963. Ini adalah pengiktirafan terhadap kemampuan hebatnya dalam filem *Ibu Mertuaku* yang merupakan pengarah, pelakon utama, penggubah lagu, penyanyi dan penulis lakon layar untuk filem ini.

Hebatnya P. Ramlee, lima peranan itu turut dilakukannya dalam 35 buah filem yang kebanyakannya mendapat sambutan ramai pada zamannya.

Semua para hadirin yang hadir telah bangun memberi “standing ovation” kepada P. Ramlee, termasuklah bintang filem Hindi yang terkemuka ketika itu Raj Kapoor. Raj Kapoor berkata: “*He’s deserve it!*” (merujuk kepada P. Ramlee) kepada wartawan yang menemubual beliau.

P. Ramlee adalah satu-satunya artis yang pernah diberikan anugerah seumpama itu dan tidak pernah lagi dipertandingkan di mana-mana anugerah seni dalam dunia selepas P. Ramlee menerimanya dari dahulu sehingga sekarang.

Steven Spielberg pernah mengarahkan sebanyak 47 buah filem yang mendapat sambutan hebat di seluruh dunia, tetapi beliau bukanlah pelakon utama, penggubah muzik, penyanyi dan penulis lakonlayar dalam filem-filem tersebut seperti P. Ramlee.

Rajinikanth berlakon lebih 170 buah filem, Shah Rukh Khan menjadi hero lebih 100 filem, Arnold Alois Schwarzenegger membintangi 51 buah filem, dan Tom Cruise 45 filem, tetapi mereka bukan pengarah, penggubah muzik dan penyanyi sebenar dalam filem-filem tersebut.

Di sinilah keunggulan P. Ramlee - **WALI SENI DUNIA MELAYU** yang belum adaandingnya di seluruh dunia. Bakatnya luar biasa dan ini diakui oleh dua orang pakar perfileman Jepun, iaitu Yoshio Negano dan Hidemi Kon dengan kata-kata:

“Dalam Shaw Brothers ada seorang Bernama Ramlee, ia seorang yang paling pandai dalam dunia filem. Jarang terdapat orang yang seperti itu, yang tahu segala-galanya. Orang yang seperti ini sangat susah mahu dicari dan dia boleh dikatakan Charlie Chaplin Asia.”

(Abdullah Hussain, *Gagak Di Rimba*, 1966, h. 179).

MAKSUD HURUF “P” DI PANGKAL NAMA P. RAMLEE

Huruf P pada nama P. Ramlee bukan sekadar nama bapanya “Puteh”, tetapi adalah:

1. Pengarah
2. Pelakon Utama (Hero)
3. Penyanyi
4. Penggubah Muzik
5. Penulis Lakonlayar
6. Penulis Skrip
7. Pemuzik
8. Penulis Lirik
9. Pencetus & Peneraju Pengurusan Bakat (*Talent Management*)
10. Pelopor, Penggerak dan Pejuang Seni Budaya
11. Pemimpin
12. Pendidik (Guru)
13. Penderma (*Philanthropist*)
14. Pendakwah (Melalui Seni)
15. Penerbit (Majalah)
16. Penghibur
17. Pelawak
18. Perawat (Rukyah)
19. Pemikir Kritis
20. Pemaaf dan Merendah diri (*Humble*)
21. Pengkritik Sosial

Di sinilah letaknya kegeniusan, keunggulan dan kehebatan P. Ramlee.

Pergaulan, persahabatan dan kekenalannya terhadap setiap artis yang ada di Studio Jalan Ampas sejak 1948 dimanfaatkan sepenuhnya bagi menguruskan bakat setiap individu. Beliau tahu meletakkan setiap individu tersebut melakonkan watak yang tepat dalam filem-filem arahnya.

Datuk Aziz Sattar misalnya pernah berasa kecewa kerana tidak diambil berlakon dalam filem *Penarek Becha* (1955), kerana peranannya melobi P. Ramlee untuk menjadi pengarah. Namun, apabila beliau dipilih oleh P. Ramlee melakon watak Ajis dalam filem *Bujang Lapok* (1957) dan siri komedi yang lain, baharulah beliau menyedari ketajaman dan kebijaksanaan P. Ramlee dalam memilih watak yang sesuai untuk dilakonkan oleh seseorang artis tersebut.

Sebab itulah maka setiap pelakon yang dipilih itu dapat membawa watak yang dipertanggungjawabkan cukup berkesan dan diingati sehingga sekarang. Kebijaksanaan ini turut membuktikan sekali lagi kemampuan dan bakat luar biasa P. Ramlee.

PERIBADI P. RAMLEE YANG MULIA

P. Ramlee tahu bukan semua kawan-kawannya suka kepadanya. Menurut anaknya Nasir P. Ramlee, ada pelakon terkenal yang benci kepada ayahnya kerana cemburu dengan layanan emas Shaw Brothers kepada Seniman Agung itu.

Mereka berpura-pura baik kepada P. Ramlee di hadapannya, tetapi di belakangnya mengutuk dan memfitnah beliau. Tetapi P. Ramlee buat-buat tidak tahu dan tetap melayan mereka dengan baik dan mesra. Namun beliau tidak pernah berdendam dan tidak ambil peduli. Bahkan ada antara mereka yang dijadikan oleh P. Ramlee melakonkan watak penting dalam filem-filemnya.

Nasir P. Ramlee dalam buku *Bapaku P. Ramlee* bercerita tentang perbualannya dengan ayahnya:

“Daddy, ramai juga uncle-uncle di studio tak suka Daddy, tapi Daddy selalu ambil mereka dalam filem Daddy.” Dia menjawab dengan spontan: “Mereka tak suka Daddy, tapi Daddy suka mereka. Yang dia tak suka Daddy tu, biarlah dia jawab dengan Tuhan.” Saya terkejut dengan jawaban itu.”

Lebih dahsyat lagi, menurut SN Datuk Abdullah Hussain, terdapat pula pakatan untuk mencederakan dan merosakkan wajah P. Ramlee. Namun apabila rahsia komplot itu sampai ke pengetahuan Wak Jasni (Jasni Ahmad, penyanyi dan suami Neng Yatimah) yang terkenal sebagai ketua samseng Singapura, dia memberi amaran kepada orang yang memusuhi P. Ramlee.

Kerana segan dan takut dengan Wak Jasni, mereka membatalkan rancangan jahat itu dan memohon maaf kepada P. Ramlee. Beliau dengan senang hati memaafkan mereka. P. Ramlee juga tidak pernah membalas kutukan atau fitnah untuk menjatuhkannya, bahkan memaafkan mereka. Sukar sekali mencari sikap seperti itu dahulu dan sekarang.

Sifat mulia P. Ramlee ini memang luar biasa. S. Kadarisman pernah mengeluarkan kenyataan kepada seorang rakan:

“Aku pelik dengan manusia Ramlee ini. Aku selalu kutuk dia, tetapi dia masih pilih aku berlakon di dalam filem arahnya”.

Beliau mungkin berasa kecewa dan kemudian bersetuju berhijrah ke Kuala Lumpur pada 1964, menjauhkan diri daripada orang-orang yang mengkhianatinya.

Semasa hidupnya, P. Ramlee didatangi oleh individu dan wakil pelbagai persatuan untuk meminta sumbangan wang dan nasihat. P. Ramlee tidak pernah menghampakan mereka. Hal ini diakui oleh Tan Sri Datuk Ahmad Nawab, sahabat karibnya.

Walaupun P. Ramlee sangat popular ketika itu, dia tidak pernah bersikap sombong dan amat merendah diri (*humble*) dengan sesiapaapun. Peribadinya sangat disenangi oleh semua orang yang pernah bertemu dengannya. Menurut Nasir P. Ramlee:

“Pada satu ketika dia sedang makan di ruang tamu, dia ternampak mamak pemotong rumput lalu di hadapan rumah, dengan serta merta bapa saya memanggil mamak itu masuk dan makan sama; dia tak merasa ‘gah’ atau bangga dengan nama besarnya, malah dia sentiasa bermurah hati dan tidak lokek.”

P. Ramlee juga sentiasa melayan anak-anaknya dengan baik dan adil, walaupun dia dikatakan lebih menyayangi anak angkatnya Sazali. Menurut Nasir P. Ramlee, wang belanja sekolahnya pada 1960-an cukup mewah, apa lagi jika pencapaian peperiksaannya cemerlang, mereka akan diberikan hadiah yang lumayan. Itulah sifat seorang bapa yang penyayang.

(Bapaku P. Ramlee (2007))

Menurut Ramli Ismail, adik angkat P. Ramlee yang pernah tinggal serumah dengannya, Seniman Agung itu menanggung hutang yang besar apabila majalah *Gelanggang Filem* terbitannya terpaksa ditutup.

Sebabnya ialah terdapat pekerjaanya pecah amanah dengan memasarkan sendiri majalah tersebut, sehingga penerbitannya terpaksa dihentikan. P. Ramlee tidak mahu membuat laporan polis kerana jikalau pekerjaanya ditangkap, dia juga yang terpaksa memberi makan anak isteri mereka.

Pernah satu ketika tiga orang pekerja ditangkap sendiri oleh P. Ramlee kerana hendak mencuri huruf-huruf taip yang diperbuat daripada timah. Beliau tidak mengambil tindakan, sebaliknya hanya memberikan nasihat supaya mereka mencari kerja yang halal, bukan mencuri.

(Sumber: Kenangan Abadi P. Ramlee, 1998).

Menurut Ramli Ismail lagi, Datuk Aziz Sattar pernah bercerita kepadanya tentang kebaikan P. Ramlee yang luar biasa. Suatu hari Aziz Sattar, S. Shamsuddin dan P. Ramle hendak keluar makan. Tiba-tiba datang seseorang dari Pulau Pinang yang berhajat untuk memohon sumbangan.

P. Ramlee yang ketika itu mempunyai RM200.00 terus memberikan kesemuanya kepada orang tersebut. Oleh kerana duit tunainya sudah habis, mereka bertiga tidak jadi untuk keluar makan.

P. Ramlee bukan ahli perniagaan yang kaya-raya. Beliau hanyalah pengarah, pelakon dan penyanyi yang makan gaji dan mendapat pendapatan tambahan melalui pertunjukan pentas. Ada sesiapa yang sanggup bersedekah macam P. Ramlee?

Ada pula cerita kononnya P. Ramlee miskin pada akhir hayatnya. Cerita itu disangkal oleh Tan Sri Ahmad Nawab. Itu sama sekali tidak benar. Menurut Sazali P. Ramlee, makanan, pakaian dan orang gaji tetap ada seperti biasa.

P. Ramlee dan Saloma masing-masing mempunyai kereta. Beliau juga mempunyai dua buah rumah, sebuah di Jalan Bunga Kantan dan satu lagi di Jalan Dedap (sekarang dikenali sebagai Pustaka Peringatan P. Ramlee).

Cuma hidupnya tidak mewah macam di Singapura dahulu. Ketika itu beliau mendapat ganjaran RM30,000.00 bagi setiap filem yang disiapkannya. Jika pada tahun 1960-an, sekilogram gula hanya 20 sen, kini harga gula mencecah RM3.00 sekilogram. 15 kali ganda. Ini bermakna RM30,000.00 pada tahun 1960-an mungkin RM450,000.00 sekarang!

Tetapi kebanyakan pendapatan P. Ramlee dihabiskannya untuk bersedekah dan membantu orang lain, menglangsaikan hutang penerbitan *Gelanggang Filem* (akibat penipuan) dan menolong orang yang memerlukan. Ini menunjukkan sifat tawakal beliau begitu tinggi kerana baginya rezeki itu datangnyanya daripada Allaah.

Menurut SN Datuk Abdullah Hussain, kelemahan P. Ramlee ialah terlalu pemurah dan tidak menyimpan duit untuk dirinya.

Memang pada tahun akhir 1960-an dan awal 1970-an, pendapatan P. Ramlee ternyata merosot. Itu zaman kejatuhannya disebabkan kemunculan televisyen, saingan muzik Pop Yeh Yeh, pengaruh filem berwarna Barat dan Hindustan yang semakin digemari ramai.

Beliau mungkin mengalami tekanan (*stress*) kerana perintah mahkamah yang memerintahkannya membayar pinjaman bank kerana menjadi penjamin kepada orang lain; pernah di"boo" oleh anak-anak muda kerana filemnya masih dalam bentuk hitam-putih dan juga faktor usia.

Bahkan, yang paling mengecewakan P. Ramlee, tiada sesiapa (termasuk pihak kerajaan dan institusi kewangan (bank) yang mahu membantunya memberikan modal untuk beliau menerbitkan filem berwarna. Cita-cita itu tidak kesampaian hingga ke akhir hayatnya.

TEAM WORK P. RAMLEE

Cara P. Ramlee bekerja adalah kerjasama sepasukan atau “team work”. Baginya kejayaan tidak mungkin dicapai bersendirian. Semua karya beliau mencapai kejayaan cemerlang melalui kerjasama erat bersama rakan-rakan yang bertungkus-lumus menjayakan sesebuah filem atau penciptaan dan penerbitan lagu.

Beliau amat beruntung kerana senario di Studio Jalan Ampas yang merupakan sebuah perkampungan artis yang diwujudkan oleh syarikat Shaw Brothers amat kondusif untuk berkarya.

Shaw Brothers menyediakan prasarana yang mencukupi untuk berkarya, termasuk tempat tinggal yang selesa, sama ada bagi artis yang sudah berumahtangga atau yang masih bujang.

Menurut fb Repair Gambar Lama (21 Mei 2019), Studio 8 adalah pejabat Shaw Brothers, P. Ramlee & Jamil Sulong. Bersebelahan Studio 8 ini adalah Stage A, tempat *skrin-test*, *wardrobe*, mekap, memproses filem serta tempat simpanan *reel* filem.



Pelan Studio Jalan Ampas, Singapura (Sumber: Repair Gambar Lama).

P. Ramlee juga cukup bertuah kerana mempunyai “team” atau pasukan yang profesional dalam berkarya. Antaranya ialah S. Sudarmadji, Jamil Sulong, AR Tompel, Haji Mahadi, S. Shamsudin, Aziz Sattar, A. Rahim, Kassim Masdor dan Muhamad Hamid, Zubir Said, Yusof B, Osman Ahmad dan ramai lagi.

P. Ramlee menjalin hubungan baik dengan semua orang di Studio Jalan Ampas, walaupun ada yang tidak menyukai beliau.

S. Sudarmadji atau nama sebenarnya Syed Sudarmadji bin Syed Abdullah berasal dari Jogjakarta, Indonesia. Keakraban P. Ramlee dan S. Sudarmadji ibarat isi dengan kuku. Oleh sebab itulah S. Sudarmadji mampu menulis lirik untuk menggambarkan perasaan P. Ramlee dalam lagu-lagunya.

P. Ramlee mempunyai kebijaksanaan dalam memanfaatkan hubungannya dengan semua artis dan kru di Jalan Ampas. Oleh kerana beliau juga bermula dari bawah, sebagai pembantu kru dan pelakon tambahan, beliau mengenali watak semua orang dan ini memudahkannya memilih mereka sesuai dengan karektor masing-masing.

“Team work” baginya bermanfaat untuk meningkatkan “performance”, kecekapan, sumber inspirasi dan produktiviti beliau sendiri, para artis dan kru.

Kemahirannya berkomunikasi secara berjenaka menyebabkan beliau diterima oleh semua. Dengan itu, “team building” atau semangat kerja sepasukan dapat ditingkatkan. Dengan itu, semua pihak dapat memahami peranan dan sumbangan masing-masing dalam menjayakan sesebuah karya.

Dalam ajaran Islam, apa yang diamalkan oleh P. Ramlee adalah semangat “amal jama‘iyy”, seperti hadith Nabi SAW:

“Hendaklah kamu berjemaah, sesungguhnya Jemaah itu Rahmat, dan berpecah itu azab.”

(Riwayat Abu Daud).

ILMU, PEMBELAJARAN & PEMIKIRAN KRITIS P. RAMLEE

Menurut SN Datuk Abdullah Hussain, P. Ramlee mempunyai ilmu yang tinggi hasil daripada pengalaman dan pemerhatiannya dalam bidang tersebut.

P. Ramlee bermula dari bawah. Setibanya di Studio Jalan Ampas (1948), beliau melakukan apa sahaja kerja sebagai pembantu atau kru penerbitan.

Beliau pernah menjadi penyanyi latar, orang suruhan, pelakon tambahan (watak jahat), penolak kamera, *clap-stick boy* hingga kepada penolong pengarah, belajar *angle* kamera, lampu (pencahayaan) dan lakonan daripada pengarah-pengarah berbangsa India.

P. Ramlee juga menonton filem-filem terbaik yang pernah menang anugerah dari Barat, Jepun, India dan Filipina. Beliau menonton sambil belajar, bukan semata-mata untuk berhibur.

P. Ramlee seolah-olah men‘tvét’kan dirinya dengan belajar dari bawah, kerana beliau sedar dia tidak mempunyai pendidikan tinggi.

P. Ramlee mempunyai pengalaman yang cukup luas kerana sudah berlakon sama ada sebagai pelakon tambahan atau hero dalam 32 buah filem (1948-1955) sebelum menjadi pengarah.

Hebatnya P. Ramlee ialah apabila pada umur 27 tahun beliau sudah menjadi pengarah filem. Beliau juga boleh berbahasa Inggeris dan Jepun. Bandingkan dengan kebanyakan anak-anak muda hari ini. Apakah pencapaian kita pada umur 27 tahun?

Beliau juga bersikap terbuka dalam menerima pandangan atau idea orang lain. Jika bernas akan diterimanya.

Pemikirannya selalu ke hadapan. Menurut Ramli Ismail, pada suatu hari ketika dalam perjalanan menuju Singapura dari Kuala Lumpur untuk menziarahi sahabatnya Yusof B yang sedang sakit, P. Ramlee merungut:

“Kalau buat jalan potong ‘kan dekat. Mungkin dalam empat atau tiga jam sudah sampai ke Singapura. Bukan jauh, tapi jalan berpusing sana, berpusing sini, buat lambat perjalanan. Kalau buat jalan (baharu) janganlah masuk bandar, seperti bandar Melaka, bandar Muar. Itu yang buat lambat perjalanan. Tapi mungkin sedikit hari lagi, bila Malaysia sudah kaya, jalan mesti dibuat”.

Pada 1986, Lebuhraya Utara-Selatan telah disiapkan!

P. Ramlee pernah membuat penggambaran di ladang getah. Beliau sering berulang-alik dari Setapak ke Ulu Klang. Sepanjang jalan di kelilingi pokok getah. Katanya:

“Sikit hari nanti kau orang tak dapat lihat pokok ni semua. Kau akan lihat rumah batu dekat sini.”

Tempat itu kini dikenali sebagai Taman Melawati, dipenuhi dengan rumah batu seperti yang difikirkan oleh P. Ramlee. Pemikiran yang *advance*. Ini bermakna firasatnya cukup tinggi.

Ramai yang mengaitkan ilmu, pemikiran dan firasat P. Ramlee itu ada kaitan dengan ilmu tasawuf yang dipelajarinya dahulu. Sebab itulah P. Ramlee dikatakan berjaya menerapkan unsur-unsur sufi dalam bahasa lagu dan filem secara ringkas, padat dan menusuk kalbu.

P. RAMLEE PEJUANG TULISAN JAWI

P. Ramlee adalah pengarah yang mula-mula mengetengahkan isu buta huruf dan memperjuangkan tulisan jawi dalam filem-filemnya.

Hal ini dapat dikesan sekurang-kurangnya dalam dua filem arahan dan lakonan beliau, iaitu *Seniman Bujang Lapok*, *Sumpah Orang Minyak* dan *Ahmad Albab*.

Dalam filem *Pendekar Bujang Lapok*, Ramli, Sudin dan Ajis yang sedang mencari rumah Pendekar Mutsar bertemu dengan Cikgu Ros. Ketiga-tiga mereka rupa-rupanya buta huruf.

Pendekar Mustar menyuruh mereka bertiga belajar di Sekolah Umum Buta Huruf tempat anaknya mengajar. Berlakulah babak-babak lucu kerana para pelajar tua di kelas tersebut semuanya tidak kenal huruf jawi, satu sindiran yang tajam kepada kita.

Begitu juga dalam filem *Sumpah Orang Minyak*. Si Bongkok diberikan pilihan daripada “Kitab Seribu Hikmat” yang bertulisan jawi. Dalam filem *Ahmad Albab* juga tulisan Jawi melatari papan tanda kedai-kedai di pasar.

CIRI KEPEMIMPINAN & KEPENGKUTAN

Sebagai pengarah filem, ciri-citi kepemimpinan (*leadership*) P. Ramlee memang cukup menyerlah. Beliau berjaya mengarahkan 34 buah filem sepanjang tahun 1955 hingga 1972.

Kejayaannya sebagai pengarah dibuktikan dengan kejayaan lebih 20 buah filemnya telah mencapai *box office* pada 1950-an dan 1960-an. Ini tidak pernah dicapai oleh mana-mana pengarah di seluruh dunia! Lebih daripada itu, P. Ramlee juga telah memenangi pelbagai anugerah, termasuk 7 kejayaan di peringkat antarabangsa.

Beliau juga mempunyai ciri-ciri kepengkutan (*followership*), iaitu sebagai pengikut yang baik. Beliau pernah berlakon di bawah arahan 11 orang pengarah, iaitu BS Rajhans, L. Krishnan, Ramanathan, KM Basker, BN Rao, Phani Majumdar, Lamberto V. Avellana, Tao Qin@Dae Chin, Ramon A. Estella, Diresh Ghosh dan Jins Shamsudin dalam 32 buah filem.

Ini menunjukkan P. Ramlee adalah seorang pengikut yang baik. Beliau bahkan sanggup berlakon di bawah arahan Jins Shamsudin, juniornya dalam bidang lakonan dan pengarahan.

P. Ramlee juga pernah mengasaskan dan menjadi Presiden Persatuan Artis Malaya (PERSAMA) di Singapura. Persatuan tersebut ditubuhkan sebagai sebuah kesatuan sekerja (*union trade*) pada 23 Mac 1954 di rumah Seniwati Musalmah di no. 271, Tembeling Road, Tanjong Katong, Singapura. Selain P. Ramlee sebagai ketua, Salleh Ghani dilantik sebagai Setiausaha dan Jamil Sulong selaku Bendahari.

Persatuan itu menggabungkan semua pemain industri yang terdiri daripada artis (pelakon dan penyanyi), kru dan pengarah yang bekerja dalam bidang seni ketika itu.

Sepanjang kepemimpinannya, P. Ramlee banyak membela nasib artis yang menjadi ahli, termasuk berunding dengan majikan tentang kebajikan mereka. Beliau akan berunding dengan majikannya Shaw Brothers jika ada pekerja yang teraniaya.

P. Ramlee juga pernah mengasaskan majalah *Gelanggang Film* pada 15 Mac 1958, yang diterbitkan oleh syarikat Penerbitan P. Ramlee. Pada awalnya penerbitannya, majalah ini diterbitkan dalam tulisan Jawi, tetapi telah ditukar menggunakan tulisan Rumi pada 1961.

Namun penerbitan itu terpaksa ditutup kerana mengalami kerugian akibat penyelewengan dan perbuatan khianat yang dilakukan oleh pekerjanya.

P. Ramlee juga telah mengasaskan Perusahaan Filem Malaysia (PERFIMA) pada 1970. Visinya adalah untuk memajukan industri perfileman negara melalui penerbitan filem, pengedaran, tayangan dan pembinaan pawagam.

PERFIMA turut diasaskan oleh Jins Shamsudin, Salleh Ghani, HM Shah dan Jaafar Abdullah. Ia berpejabat di Shah Motel, Petaling Jaya, Selangor. Namun P. Ramlee dan HM Shah kemudian telah menarik diri daripada PERFIMA kerana berlaku perselisihan pendapat dengan pelakon Jins Shamsudin dan AJK lain.

Penubuhan PERFIMA sebenarnya telah mendorong kerajaan untuk menubuhkan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia atau FINAS pada 1980.

P. Ramlee juga yang menyedari kepentingan pawagam untuk tayangan filem. Tanpa pawagam sendiri, orang tengahlah yang akan mengaut keuntungan hasil titik peluh pengarah, pelakon dan kru. Perkataan “pawagam” adalah singkatan daripada perkataan Panggung Wayang Gambar yang dicipta oleh P. Ramlee sendiri.

P. Ramlee, HM Shah dan Salleh Ghani telah menubuhkan Syarikat Rumpun Melayu dan menyewa sebuah pawagam lama yang terletak di Jalan Tuanku Abdul Rahman, milik seorang ceti yang bekerja di pejabat DBKL. HM Shah telah membantu P. Ramlee untuk membaikpulih pawagam yang dinamakan Pawagam Rumpun itu dengan perbelanjaan sebanyak RM100,000.00 pada awal 1973.

Namun P. Ramlee tidak sempat melihat pawagam itu siap kerana beliau meninggal dunia pada 29 Mei 1973. Sebagai penghormatan, HM Shah, Salleh Ghani dan Ramli Ismail bersetuju menamakannya sebagai Pawagam P. Ramlee.

Pawagam berkapasiti 600 tempat duduk ini dirasmikan oleh Dato' Harun Idris, Menteri Besar Selangor pada 15 Ogos 1973. Hasil kutipan tayangan filem berjudul

...*Dan Bunga-bunga Berguguran*, filem pertama yang ditayangkan di Pawagam P. Ramlee telah didermakan kepada Yayasan Selangor.

Namun pada 1982, Pawagam P. Ramlee telah dirobohkan oleh DBKL kerana pemiliknya gagal membaiki kerosakan bangunan kerana dianggap membahayakan keselamatan penonton.

P. RAMLEE DISANTAU?

Menurut Sukardi, sahabat karib semasa remaja, P. Ramlee pernah cuba disantau. Ini berlaku ketika P. Ramlee dan Saloma telah diundang untuk menghiburkan anggota Angkatan Tentera Malaysia yang bertugas menjaga sempadan Sabah-Indonesia pada 1966.

Apabila selesai persembahannya, ada seseorang ingin berjumpa dengan P. Ramlee di belakang pentas. Walaupun tidak dibenarkan oleh pihak tentera, P. Ramlee bersetuju bertemu dengan orang itu.

Orang itu bertanya:

“Ilmu apa yang kamu pakai?”

P. Ramlee bertanya:

“Mengapa saudara bertanya begitu?”

Orang itu menjelaskan:

“Sebenarnya semasa kamu melakukan persembahan di atas pentas sebentar tadi, aku telah cuba ‘menghantar’ satu benda yang tidak baik kepada kamu. Tetapi ternyata barang yang cuba aku tujukan kepada kamu tidak ampuh ke atas kamu kerana aku saksikan tidak ada apa-apa yang berlaku kepada kamu semasa melakukan persembahan.”

P. Ramlee hanya tersenyum. Katanya:

“Tidak ada ilmu apa-apa, cuma Allaah melindungi saya.”

Orang itu terus memohon maaf berkali-kali kepada P. Ramlee dan mencium tangan beliau. P. Ramlee hanya menasihatinya supaya jangan mengulangi perbuatan tersebut. Beberapa orang anggota tentera yang menyaksikan kejadian tersebut bertanya apa yang berlaku, tetapi P. Ramlee hanya menjawab orang itu adalah sahabat lamanya.

Kata para bijak pandai, rahsia P. Ramlee tidak kena sihir tersebut adalah kerana nama asal beliau bukan P. Ramlee, tetapi Ramlee bin Putih atau Teuku Nyak Zakaria bin Teuku Nyak Zakaria.

(Sumber: FB Mengenali Pelakon Lama, 19 Januari 2019).

BANYAK MEMPERKENALKAN PELAKON BAHARU

P. Ramlee adalah seniman yang paling banyak memperkenalkan dan mengasuh pelakon baharu dalam filem-filemnya.

Antaranya ialah Udo Umar (*Penarek Becha*), Jins Shamsuddin (*Panca Delima*), Hashimah Yon (*Penarek Becha*), Dayang Sofia (*Bujang Lapok*), Sri Dewi (*Sumpah Orang Minyak*), Roseyatimah (*Pendekar Bujang Lapok*), Sarimah (*Ali Baba Bujang Lapok*), Fadzliyatun (*Si Tora Harimau Jadian*), Sharifah Hanim (*Masam Masam Manis*) dan Rosminah Sidek (*Anak Bapak*).

Ada di antaranya kemudian menjadi bintang filem terkenal dan menjadi pengarah filem, iaitu Jins Shamsudin, Sarimah dan Rosminah Sidek sesudah pemerigan P. Ramlee.

Beliau juga turut memperkenalkan pelakon Mimiloma (*Ahmad Albab*), Bob Mustapa (*Gelora*), Isma Rubi (*Gelora*), Norlia Ghani (*Kanchan Tirana*), Wancik (*Do Re Mi*), Vera Wee (*Sesudah Suboh*), Juliana Ibrahim (*Sesudah Suboh*), Khatijah Hashim (*Sesudah Suboh*), dan Chandra Semugam (*Gerimis*).

DOKUMENTARI PERJALANAN HIDUP P. RAMLEE

Pada 3-12 Oktober 2007, kisah hidup P. Ramlee dipentaskan dalam satu pementasan teater muzikal dengan tajuk *P. Ramlee the Musical ... Hidup, Cinta dan Inspirasi* arahan Pat Ibrahim.

Sebuah filem dokumentari khas mengenai beliau telah disiarkan di *The History Channel* (ASTRO Saluran 555) arahan Dato' Shuhaimi Baba pada 31 Oktober 2010. Video ini boleh dilihat di link QR Code di bawah ini:



Setakat ini, P. Ramlee adalah satu-satunya anak Melayu yang biografi hidupnya pernah disiarkan di saluran tersebut, yang boleh ditonton di seluruh dunia.

[\(Sumber: *p ramlee biography astro channel shuhaimi baba* - Google Search\)](#).

WACANA ILMIAH TENTANG P. RAMLEE

Minat golongan intelektual terhadap karya-karya P. Ramlee diserlah melalui Syarahan Tun Ahmad Sarji di Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM, Bangi. Ia sudah dianjurkan sebanyak tiga siri.

Siri ketiga telah diadakan di Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM pada 8 Ogos 2024. Ia dihadiri oleh 170 peserta dan merekodkan 3,600 tontonan secara “live” di fb. Syarahan itu telah disampaikan oleh Tan Sri Dato’ Seri (Dr.) Haji Mohd Yusoff Latiff yang merupakan Presiden Kelab Peminat P. Ramlee di Pulau Pinang.

Menurut beliau, walaupun P. Ramlee tidak mempunyai pendidikan tinggi secara formal, kebijaksanaannya dalam berkarya diakui ramai. Mesej-mesej dakwah dan pengajaran daripada kritikan sosial melalui filemnya cukup berkesan.

Pada 18 Oktober 2024, telah berlangsung “Diskusi Internasional Karya P. Ramlee” di Aula FKIP Universitas Tanjungpura (Untan), Pontianak, Indonesia.

Menurut *Pontianak Post*, warisan P. Ramlee kembali diangkat di tengah-tengah generasi muda dalam bentuk diskusi, pementasan dan pertandingan untuk melestarikan tradisi Melayu dan mengukuhkan persaudaraan negara serumpun.

Penalis di Forum P. Ramlee itu menampilkan Dr. Haris Firmansyah (pensyarah Untan), Dato’ Khairul Anwar Salleh (Malaysia), Haji Saiee bin Dris (Presiden Kelab Peminat P. Ramlee Sarawak), Prof. Dr. Ahadi Sulissusiawan (pensyarah FKIP Untan) dan Datu Dr. Adi Badiozaman Tuah (Penasihat Kelab Peminat P. Ramlee Sarawak) selaku moderator.

Menurut Ahadi Sulissusiawan, Guru Besar Ilmu Pendidikan Bahasa Indonesia Universitas Tanjungpura, filem *Pendekar Bujang Lapok*, *Penarek Becha*, *Bujang Lapok* dan *Musang Berjanggut* merupakan empat buah filem yang sarat dengan kritikan sosial.



Keratan Akhbar Pontianak Post.

UNIVERSITI P. RAMLEE?

Perancangan untuk menaik taraf Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) menjadi Universiti P. Ramlee pula sudah diluluskan sebulat surat di Parlimen pada 2015, tetapi sehingga kini belum dilaksanakan.

Barisan Nasional (BN) pernah menjadikan penubuhan Universiti P. Ramlee sebagai Manifesto Pilihan Raya Umum Ke-14 pada 2018. Bagaimanapun, ia terbantut apabila BN tewas kepada Pakatan Harapan dalam pilihan raya tersebut.

Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri sekarang adalah seorang peminat P. Ramlee. Beliau sering menyanyikan lagu "Azizah" untuk isterinya Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail. Mungkinkah beliau akan merealisasikan cadangan tersebut?

KEWUJUDAN KELAB PEMINAT P. RAMLEE

P. Ramlee adalah Tokoh Warisan Negara. Para peminat P. Ramlee di seluruh negara masih ramai hingga ke hari ini. Ini menunjukkan idea dan pemikiran P. Ramlee masih relevan hingga kini dan akan datang.

Kelab Peminat P. Ramlee Pulau Pinang (KPPRPP) ditubuhkan pada 25 April 2011 atas inisiatif Tan Sri Dato' Seri (Dr) Haji Mohd Yussof Latiff, Presiden Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG). Beliau adalah Presiden KPPRPP hingga ke hari ini.



Di Sarawak, Kelab Peminat P. Ramlee Sarawak (KPPRS) ditubuhkan pada 2014. Penasihatnya ialah Datu Dr. Adi Badiozzaman Tuah, mantan Pengarah Lembaga Peperiksaan Malaysia.

Kelab Peminat P. Ramlee Singapura juga sudah ditubuhkan dan diketuai oleh Tuan Mohd. Noor Said. Di Perlis kelab seumpama itu diketuai oleh Tuan Haji Abdul Rahman Bahari. Terdapat juga Kelab Peminat P. Ramlee Nusantara di internet.

Di Bangi, Profesor Emeritus Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh bercadang untuk menubuhkan Kelab Peminat P. Ramlee Lembah Klang.

Selain bertujuan untuk mengumpulkan para peminat P. Ramlee mengikut negeri dan zon masing-masing, kelab-kelab tersebut mempunyai objektif untuk mengembangkan legasi P. Ramlee kepada generasi akan datang melalui pendidikan, penerbitan dan aktiviti seni budaya.

Pelbagai kegiatan bagi menyambung legasi P. Ramlee telah dan sedang dilaksanakan seperti seminar, festival seni, pementasan teater dan pertandingan nyanyian.

Artis Adlin Aman Ramlee dan Datuk Khairul Anwar Salleh pula menganjurkan Podcast Legasi sebagai platform perbincangan dan promosi pemikiran P. Ramlee dan artis-artis veteran. Di samping itu, mereka turut berusaha melaksanakan Projek Perdana P. Ramlee melalaui konsert dan filem.

PERTANDINGAN BINTANG P. RAMLEE

Bagi menghargai sumbangan P. Ramlee, RTM telah menganjurkan pertandingan Bintang P. Ramlee di peringkat Zon Utara, Zon Tengah, Zon Selatan, Zon Sarawak, Zon Sabah dan akhir sekali Peringkat Kebangsaan.

Pertandingan ini diadakan setiap dua tahun sekali sejak 1988 bagi mencungkil bakat-bakat nyanyian meniru suara dan gaya P. Ramlee dari seluruh negara. Ia

dimulakan di Sarawak pada 1988. Ia bertujuan untuk mengasah bakat seni baharu di kalangan anak muda, di samping memperingati P. Ramlee.

Maka lahirlah klon P. Ramlee seperti Musly Ramli, Fairuz Misran, P. Radhi, Danie Hasbullah dan ramai lagi yang meniru suara dan cara nyanyian beliau.

P. RAMLEE BERDAKWAH DALAM LAGU

Ustaz Dato' Badlishah Alauddin, Timbalan Mufti Negeri Pahang dan pendakwah terkenal amat meminati P. Ramlee. Pada pengamatan beliau, banyak lagu-lagu P. Ramlee berentak qasidah yang berasal dari Arab.

Menurut beliau, terdapat beberapa lagu P. Ramlee disadur langsung daripada lagu nasyid dan syair Arab yang berentak qasidah. Antaranya ialah lagu "Alangkah Indah Di Waktu Pagi" nyanyian Seniwati Normadiah dalam filem *Ali Baba Bujang Lapok*. Lagu tersebut dialih bahasa daripada Selawat Qasidah yang popular pada zaman pemerintahan Khalifah Uthmaniah tahun 1574, iaitu semasa pemerintahan Sultan Murad III.

Lagu "Selamat Hari Raya" ciptaan P. Ramlee yang dinyanyikan oleh Biduan Ahmad Jais. Satu lagi lagu yang disadur daripada *Qasidah Maulid Tiba'iy* dijadikan lagu "Aci-aci Buka Pintu" dalam filem *Labu Labi*. Lagu itu disadur daripada Qasidah Burdah ciptaan al-Busiri, seorang ulama Maghribi. Pendapat yang sama turut dikongsi oleh Ustaz Kazim al-Hafiz, pendakwah selebriti dari Perak.

Lebih menarik lagi, Ustaz Dato' Badlishah turut menyatakan bahawa terdapat cara sebutan atau "diction" nyanyian P. Ramlee yang dilafazkan dengan bertajwid. Cara P. Ramlee menyebut huruf "b" di hujung lirik nyanyiannya ada kalanya dalam sebutan "qalqalah syugra" dan "qalqaah kubra".

Menurut beliau, sebutan P. Ramlee ketika menyanyikan lagu-lagu berunsur Arab mempunyai dengung atau "idgham", seakan-akan sebutan dalam Bahasa Arab. Misalnya, ketika menyebut perkataan "dunia", P. Ramlee menyebutnya "dunya" seperti di dalam al-Quran.

Lirik lagu *Rukun Islam* amat jelas mesej dakwahnya, iaitu mengenai Rukun Islam dan penghayatannya. Ia sangat mudah difahami dan amat sesuai didendangkan dan diperdengarkan kepada kanak-kanak dan pelajar dan orang dewasa.

Dalam lagu *Alhamdulillah*, P. Ramlee mengingatkan kita supaya sentiasa mensyukuri nikmat yang diberikan oleh Allaah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada kita selaku hamba-Nya. Nikmat dan Rahmat Allaah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada manusia terlalu luas. Dengan mengingati-Nya manusia dapat menjalani hidup dengan tenang, riang dan bahagia.

LAGU “ALLAH SELAMATKAN KAMU” PENGGANTI LAGU “HAPPY BIRTHDAY TO YOU”

Lagu “Allah Selamatkan Kamu” dinyanyikan untuk Haji Bakhil sebagai menghargai sumbangannya kepada sekolah anak-anak yatim dalam filem *Nasib Si Labu Labi* (1963).

Lagu ini turut dimuatkan dalam filem *Tiga Abdul* (1964), ia dinyanyikan oleh para tetamu yang merayakan sambutan ulangtahun kelahiran saudagar kaya Tuan Ismet Ulam Raja yang ke-71, bapa kepada Abdul Wahab, Abdul Wahib dan Abdul Wahub.

Uniknya lagu ini ialah P. Ramlee sebenarnya menciptakan lagu alternatif bagi umat Islam bagi menggantikan lagu “Happy Birthday” yang berasal daripada budaya Barat yang sama sekali tidak berlandaskan unsur ketuhanan.

Maka lagu *Allah Selamatkan Kamu* lebih Islamik dan sentiasa mengingatkan kita kepada Allah *Subhanahu wa Ta’ala* yang memberikan kita nikmat umur yang panjang. Ia merupakan suatu doa dan lebih sesuai bagi umat Islam bagi menyambut ulangtahun kelahiran.

LIRIK LAGU YANG BERMAKNA

Selain melodi dan rentak, perhatikan juga lirik lagu-lagu lain gubahan P. Ramlee yang mempunyai makna dan unsur dakwah. Walaupun kebanyakan lirik lagu P. Ramlee ditulis oleh orang lain, tetapi sudah tentulah beliau sendiri yang “meluluskan” kata-kata yang dipilih untuk lagu-lagu gubahannya itu.

Antaranya ialah lagu “Pok Pok Bujang Lapok” (filem *Seniman Bujang Lapok*) yang diselitkan kata-kata berikut:

*“Jalan yang mana, ai tolonglah tunjuk
Jalan lurus, jalan belok-belok...”*

“Jalan yang lurus” itu biasanya dirujuk kepada ajaran Nabi Muhammad *Sallahu ‘alaihi Wasallam* dan para sahabat baginda, iaitu ajaran Islam yang tulen dan autentik.

Perhatikan juga lagu “Kisah Gembala Kambing” (filem *Ahmad Albab*) yang bertepatan dengan kehidupan Nabi Muhammad *Sallahu ‘alaihi Wasallam* ketika muda:

*“Ini kisah gembala kambing
Hai dunia tak ambil pusing*

*Walau kocek selalu kering
Hatinya tak pernah runsing*

*Kerna yakin serta beriman
jodohnya gadis rupawan
kahwin free anak hartawan
secantik puteri kayangan.”*

Begitu juga dengan lagu “Sabar” dalam filem *Sabarudin Tukang Kasut*, iaitu:

*“Beginikah derita
hai orang yang sabar
Dituduh berdusta
walaupun bercakap benar*

*Namaku dicemar
mana kupergi orang tak gemar
Imanku takkan bertukar
dari menipu biar terlantar*

*Mengapakah dunia
hai penuh tipu daya
Dosa dan maksiat
itulah yang diutama*

*Si jujur menjadi mangsa
pandai menipu lekas berharta
Biarlah aku merana
aku tak rela hidup berdusta*

*Di mana keadilan
yang aku harap-harapkan
Mengapa kezaliman
menjadi balasan*

*Yang lemah ditekan
yang berharta jadi sanjungan
Pada-Mu oh Tuhan
aku serahkan tetapkan iman.”*

Begitu juga dengan lirik lagu “Ya Habibi Ali Baba” (filem *Ali Baba Bujang Lapok*) dengan liriknya:

*“Wahai Ali Baba
Orang yang budiman
Murah hatinya
pada tiap insan...”*

*Kepada orang kaya
Disambut dengan suka
Terhadap miskin hina
Dipandang sama...”*

Lagu “Di mana Kan Kucari Ganti” (filem *Ibu Mertuaku*) juga mempunyai unsur Islamik, iaitu lirik:

*“Di mana ‘kan kucari ganti
Mungkinkah di syurga...”*

Lagu ini telah dinyanyikan semula dalam bentuk nasyid yang dikaitkan dengan Rasulullah *Sallallahu’alaihiwassalam* oleh Kumpulan Hijjaz, Saujana, Saff One, Raihan dan Inteam.

Lirik lagu “Qadaan Tuhan” (filem *Sesudah Suboh*) menunjukkan keinsafan terhadap dosa lalu sebagai qada’ dan qadar Allaah *Subhanahu wa Ta’ala*:

*“Inikah qadaan Tuhan
Inikah pembalasan
Ketawa banyak kawan
Menangis sorangan...”*

Satu lagu lirik lagu yang berkaitan dengan dakwah ialah lagu “Maafkan Kami” (filem *Pendekar Bujang Lapok*), iaitu:

*“Wahai Cik Adik jangan marah sangat
Sedangkan Nabi ampunkan umat...”*

*Maafkan kami maafkan kami
Maafkan kami maafkan kami
Maafkan kami...”*

Frasa “Maafkan kami” pula diulang sebanyak lima kali, angka ganjil yang dikaitkan dengan amalan zikir yang diamalkan dalam bilangan ganjil.

Bolehlah dikatakan bahawa P. Ramlee adalah pelopor lagu-lagu nasyid di negara kita.

MESEJ DAKWAH DALAM FILEM-FILEM P. RAMLEE

Filem *Bujang Lapok* memaparkan kisah kejiranan dan kekeluargaan yang lucu tetapi diselitkan dengan pelbagai mesej. Antara mesej dakwah yang diketengahkan oleh P. Ramlee dalam filem ini ialah sikap suka berhutang dan dikejar ceti sehingga boleh menghancurkan sebuah rumahtangga.

Dalam filem *Nasib Si Labu Labi*, P. Ramlee menyindir gelagat orang kaya yang bernama Haji Bakhil yang kedekut, sesuai dengan namanya. Walaupun sedih dengan kematian isterinya, hidup Haji Bakhil tiba-tiba ceria dengan kehadiran Cikgu Murni, seorang gadis cantik yang datang untuk membeli kain.

Haji Bakhil tiba-tiba bertukar menjadi pemurah lalu membelanja pakerja kedai kainnya dengan sarapan yang mewah. Semuanya kerana kepentingan diri. Namun dua orang gajinya, Labu dan Labi tetap ditindas dan dimaki hamun. Inilah sikap orang kaya pada zaman itu. Sikap individualistik itu sama sekali tidak dianjurkan oleh Islam.

Filem *Anakku Sazali* memberi peringatan kepada ibu bapa supaya tidak terlalu memanjakan anak dengan memberikan mereka kemewahan yang keterlaluan. Keinginan mencurahkan kasih-sayang yang berlebih-lebihan boleh memberi kesan buruk kepada peribadi anak-anak.

Antara dialog yang mengesankan ialah:

“Bapak yang bersalah dalam soal ini. Bapak membesarkan Sazali dengan secara membabi buta saja, Segala apa kemahuan Sazali bapak tunaikan. Segala apa hajat Sazali bapak sempurnakan. Sehingga Sazali pandai cakap bohong sama bapak. Sehingga Sazali menipu bapak... menipu untuk kepentingan diri...”

“Tetapi bapak hanya... anakku Sazali...! Bapak yang bertanggungjawab atas segala kelakuan buruk dan baik Sazali...”

Filem *Madu Tiga* pula menyentuh soal poligami yang amat digeruni oleh wanita Melayu-Islam di negara ini. Sentuhan lawak bersahaja P. Ramlee ini sebenarnya sarat dengan kritikan dan sindiran terhadap sikap lelaki Melayu yang begitu ghairah untuk menambah isteri, tetapi takut bini.

Mesej dakwahnya ialah, berkahwin secara rahsia, walaupun sah, tetap akan menimbulkan pelbagai masalah atau “unnecessary stress”.

“Ending” filem ini agak menarik. Isteri termuda Jamil, Rohani, telah memperlihatkan sikap rasional dan memberi tunjuk ajar supaya suami yang berpoligami hendaklah berlaku adil, terutama dalam hal giliran bersama isteri-isterinya.

Filem *Masam-masam Manis* adalah kisah keluarga dan kejiranan. P. Ramlee mengingatkan bahawa dalam hidup berkeluarga dan berjiran, kita perlu bertoleransi dan memahami hak masing-masing. Di sebalik kelucuan gelagat Cikgu Shaari dan Norkiah dalam filem ini, terdapat banyak mesej dakwah dan pengajaran yang boleh dimanfaatkan.

P. Ramlee menyisipkan soal adab, disiplin, etika dan profesionalisme kerja. Ini digambarkan dengan kedudukan Cikgu Shaari sebagai guru yang terjejas (mengantuk ketika mengajar) kerana pada malam hari beliau menjadi penyanyi di kelab malam.

Perkara paling menarik ialah tentang adab Guru Besar (Cikgu Mohamad Basar) yang menegur Cikgu Shaari dengan penuh berhemah dengan cara memanggilnya ke pejabat. Beliau tidak melakukannya secara terbuka di hadapan guru-guru lain dan para pelajar, sebaliknya dilakukan di pejabatnya secara *one-to-one*.

Tindakan tidak mengaibkan anak buahnya di hadapan orang lain adalah sikap terpuji yang harus dicontohi kerana menepati seruan *dakwah bil hikmah*. Sebagai pemimpin, Cikgu Mohamad Basar telah memilih perkataan-perkataan yang sesuai dan lemah lembut, tetapi tegas dan membina.

Mesej dakwahnya ialah sebagai pemimpin, sama ada dalam organisasi, keluarga dan masyarakat, kualiti profesional sebegini perlu ada pada semua, terutama penjawat awam dan swasta.

Hasilnya, Cikgu Shaari semakin hormat kepada ketuanya dan dengan memberikan fokus kepada profesionnya sebagai guru, beliau kemudian dinaikkan pangkat sebagai Guru Besar dan mempunyai keluarga yang bahagia.

Tanpa menggunakan ayat-ayat al-Quran dan Hadith atau menggunakan pendekatan “berkhutbah”, P. Ramlee berjaya menghantar mesej yang tepat dan sehingga kini masih relevan. Kesannya amat mendalam. Ini soal integriti dan kebolehpercayaan (*trustworthiness*).

Walaupun adegan-adegan dalam filem ini lucu dan tidak masuk akal, tetapi mesejnya jelas - iaitu kejujuran dan integriti yang patut ada pada seorang Muslim.

KRITIKAN TERHADAP KHURAFAT

P. Ramlee mengkritik sikap masyarakat yang terlalu bergantung kepada bomoh dan kepercayaan terhadap kurafat. Antaranya ialah dalam filem *Nujum Pak Belalang*, *Nasib Do Re Mi*, *Pendekar Bujang Lapok* dan *Seniman Bujang Lapok*.

Dalam filem *Nujum Pak Belalang*, kepercayaan kepada perkara kurafat pertama kali digambarkan dalam adegan Belalang bertemu dengan dua penyamun di dalam hutan.

Belalang yang bijak telah memperdayakan mereka dengan menaiki pokok dan menyamar sebagai anak jin. Kedua-dua penyamun itu ketakutan dan telah melarikan diri apabila di sergah oleh Belalang dari atas pokok. Kejahilan penyamun itu menyebabkan mereka terpedaya dan meninggalkan dua ekor lembu dan dua ekor kambing.

Maka bermulalah “kerjaya” Pak Belalang sebagai ahli nujum yang kononnya pandai menilik barang yang hilang. Walhal itu semua hanyalah tipu helah licik anaknya Belalang. Apabila lembu dan kambing itu berjaya “dijumpai”, maka semua orang kampung mempercayainya.

Begitu juga apabila istana Sultan disamun, Pak Belalang secara tidak sengaja menemui harta karun di dalam gua segeloh memperdayakan dua penyamun. Kepercayaan penyamun, orang ramai dan sultan terhadap perkara kurafat ini diambil kesempatan oleh Pak Belalang. Dia kemudian dilantik menjadi Ahli Nujum Negara.

Sultan semakin percaya apabila Pak Pelalang berjaya “mengubati” puterinya yang sakit, sedangkan “kejayaan” Pak Belalang hanyalah kerana puteri tersebut berpura-pura sakit semata-mata hendak bertemu dengannya kerana telah jatuh cinta.

Begitu juga dengan “kebijaksanaan” Pak Belalang menjawab 5 soalan dalam kes pertaruhan kecerdikan akal antara Sultan Beringin Rendang dengan Sultan Masai. “Kejayaan” Nujum Pak Belalang sebenarnya bukan kerana ilmu nujum, tetapi hanya secara kebetulan dan “nasib” yang menyebelahi Pak Belalang dan anaknya.

Dengan izin Allaah *Subhanahu wa Ta’ala*, Belalang yang terserempak dengan Sultan Masai dan ahli nujumnya ketika cuba mengambil perahu milik mereka. Dia terpaksa menyorok dan kebetulan, dengan takdir Allaah *Subhanahu wa Ta’ala*, rahsia itu terbongkar.

Dalam filem *Nasib Do Re Mi*, kritikan terhadap kepercayaan kepada perkara kurafat sekali lagi dilakukan oleh P. Ramlee dalam bentuk komedi. Do, Re dan Mi telah menipu Komeng dan konco-konconya dengan menyamar sebagai bomoh temberang, sedangkan mereka sudah mengetahui hajat Komeng berjumpa bomoh di hujung kampung.

Mereka berjaya memperdaya Komeng dengan bayaran lumayan sebanyak RM400.00. Ingat lagi dialog mereka dengan bomoh ketika berbahagi wang pengeras? Bomoh kampung itu turut mengakui selama ini dia pun “temberang” juga, tetapi pendapatannya tidak lebih daripada RM5.00.

Kepercayaan terhadap bomoh itu terus dikritik oleh P. Ramlee dalam adegan Komeng dan konco-konconya “menanam tangkal” di hadapan rumah Nora. Mereka kemudian diperdaya sekali lagi oleh “bomoh” yang menyuruh mereka menanggalkan pakaian dan berlari tanpa menoleh ke belakang.

Walaupun Komeng berasa tertipu, tetapi dia kembali percaya dengan “tangkal” itu yang kononnya mujarab apabila Nora muncul di rumahnya seperti mana yang diramalkan oleh tok bomoh. Walhal semua itu hanyalah perancangan Do. Re dan Me untuk memperdayakan mereka.

P. Ramlee meneruskan kritikan dan sindirannya terhadap kepercayaan terhadap kurafat dalam filem *Pendekar Bujang Lapok*.

Adegan bertapa di kubur, rumah kosong dan telaga buta dengan memanggil “mambang” kononnya dipercayai boleh mendapat ilmu silat yang lebih tinggi makamnya. Walhal akibat daripada terlalu percaya dengan perkara itu, mereka hanya menyebut “cobaan” apabila penyamun melarikan Rose, anak dara Pendekar Mustar.

Adegan Do diganggu oleh “hantu Jepun” yang meniup trompet dan mengejanya ala-combi di kubur pula menyindir orang yang dipercayai orang mati boleh hidup semula menjadi “hantu”, sedangkan itu semua hanya khayalan karut yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Sindiran tajam terhadap perkara kurafat juga terdapat dalam filem *Seniman Bujang Lapok*. Kisahnya, Ramlee yang tidak mempunyai wang untuk berkahwin dengan Salmah.

Sudin cuba menolong dengan batu ajaibnya. Dengan batu Ajaib itu dia cuba meminjam wang sebanyak \$350 daripada Pengurus Kemat Hassan, tetapi yang dapat cuma \$5 saja. Akhirnya batu ajaib itu dicampak ke longkang. Mesejnya ialah percaya kononnya batu itu boleh menyampaikan hajat adalah perbuatan yang berunsur syirik dan sia-sia serta tidak berfaedah.

Mesej P. Ramlee membawa cerita-cerita nujum, bomoh dan pelbagai kepercayaan kurafat ialah untuk menyedarkan orang Melayu supaya jangan dipercayai perkara-perkara kurafat yang bertentangan dengan ajaran Islam.

P. RAMLEE SEBAGAI IKON INTEGRITI, PERPADUAN DAN PATRIOTISME

Beliau bukan sekadar sebagai Seniman Agung, tetapi sebagai ikon integriti, perpaduan dan patriotisme. Sebagai ikon integriti, P. Ramlee menyerlah watak-watak yang mengungkap dialog-dialog bersahaja tetapi tajam menolak penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan pecah amanah.

Ini dapat dilihat dalam filem *Tiga Abdul, Ibu Mertuaku, Antara Dua Darjat, Nujum Pak Belalang, Musang Berjanggut* dan *Anak Bapak*. Watak Abdul Wahub, Kassim Selamat, Ghazali, Pak Belalang, Puspawani dan Harun menghantar mesej integriti yang masih segar dalam ingatan kita.

Dalam filem *Musang Berjanggut*, dialog Puspawani dengan Menteri Nikah Kahwin paling ikonik dan diingati sehingga kini. Dengan beraninya P. Ramlee menyindir penunggang agama dan semua pemimpin:

“Kanda, bolehkah dinda bertanya tentang undang-undang negeri di sini?”

“Boleh, apa salahnya... Undang-undang apa dinda?”

“Salah atau tidak, jikalau seorang lelaki asuk di rumah seorang perempuan semasa suaminya tak ada di rumah?”

“Woi! Itu salah besar! Salah besar!”

“Kalau begitu kanda ni pun salah la...”

“Salah jugalah, tapi tak jadi apa. Sebab undang-undang dalam negeri ini kanda yang bikin. Itu semua boleh padam!”

Sindirin itu cukup tajam, tetapi disampaikan dalam bentuk pertanyaan dan jawapan yang kelihatan lucu. Mesejnya cukup jelas, iaitu untuk mendedahkan betapa sesetengah pemimpin memang cenderung untuk menyalahgunakan kuasa demi kepentingan diri masing-masing.

Dalam filem *Anak Bapak*, P. Ramlee menegaskan bahawa penipuan, rasuah dan penyelewengan merupakan perkara yang tidak boleh dikompromi, sehingga watak utama filem ini, Harun, sanggup putus sahabat dan memecat pekerjaanya.

Ini berlaku gara-gara cadangan pembantunya Salleh supaya beliau menggunakan dahulu duit pejabat bagi membayar hutang, dan menggantikannya apabila dapat gaji kelak.

Harun tidak bersetuju. Dia memberitahu semua perbelanjaan bagi menampung kos hidupnya yang suka bersukaria menggunakan wang sendiri, bukan wang pejabat.

Mesej ini disampaikan dengan dialog tajam berikut:

“Hei Salleh! Kau jangan cuba ajar aku jadi jahat tau! Seumur hidup aku tak pernah pakai duit ofis. Itu amanah orang... Kalau aku ambik duit ofis, bererti ku tipu harta bapak aku. Bila aku tipu, orang tu akan tuduh aku pecah amanah. Sekali kalau orang tak percaya dekat aku, sampai matipun nanti orang tak percaya!”

“Ini amaran penghabisan! Kalau kau cuba nak keluarkan lagi idea nak menjahanamkan aku, kau dan aku putus sahabat!”

“Dan lagi, aku akan menghentikan kau kerja. Faham?”

Ini satu penegasan prinsip menolak penyelewengan, rasuah dan salahguna kuasa di kalangan penjawat awam.

Dalam realiti pula, hidup P. Ramlee tidak kelihatan terlalu mewah seperti orang kaya. Beliau tidak pernah tunduk atau menggadaikan nilai yang dipegang. Seninya berprinsip dan penuh integriti.

P. Ramlee bukan hanya seorang penghibur. Beliau adalah pendidik senyap yang menggunakan seni sebagai ruang dialog antara kaum, antara faham budaya, dan antara golongan elit dan marhaen.

Dalam karyanya, kita melihat Melayu, Cina, India, Arab dan pelbagai watak lain berinteraksi bukan dengan curiga, tetapi dengan jenaka, hormat, harmoni dan penuh dengan nilai-nilai kemanusiaan.

Sebagai ikon perpaduan dan patriotisme, P. Ramlee telah berusaha dan berjaya melegasikan karya hebat seperti filem *Sarjan Hassan*, *Sesudah Subuh* dan *Gerimis*.

Kata-kata Sarjan Hassan kepada pengkhianat negara yang masih diingati ialah:

“Dengar sini Kawan-kawanku sekampung. Aku berharap janganlah hendaknya ada lagi manusia yang seperti ini di tanah air kita. Kerana, manusia yang seperti inilah yang akan merosakkan keturunan kita. Ya... memang bangsa kita masih muda dan masih lemah... Aku tidak peduli itu semua. Harapanku hanyalah, kita sesama bangsa bersatu-padulah hendaknya...”

BENARKAH P. RAMLEE SEORANG WALI?

Mungkin ramai yang mempertikai tajuk kertaskerja ini. Jika diukur dari sudut kefahaman umum tentang wali, P. Ramlee tidaklah menepati definisi wali. Namun, jika diteliti maksud wali atau aulia sebagai seseorang yang dikasihi oleh Allaah *Subhanahu wa Ta’ala*, P. Ramlee mungkin salah seorang daripadanya.

Allaah *Subhanahu wa Ta’ala* menganugerahinya bakat yang luar biasa dan beliau berjaya menterjemahkannya dalam bentuk filem dan lagu yang sebahagian besarnya merupakan mesej dakwah dalam bentuk kritikan sosial, nasihat, teguran, sindiran dan pedoman buat kita semua.

Tetapi jika kita mendefinisikan wali itu mestilah seseorang yang berjubah, berjanggut, berserban, mengajar agama, mempunyai maahad tahfiz, mempunyai kemampuan luar biasa dan pelbagai sifat luaran, maka P. Ramlee bukanlah seorang wali. Terpulanglah kepada anda untuk menyimpulkannya.

Bagaimanapun, menurut Dr. Kamari Kasan, pengaruh ajaran tasawuf (roh sufi) dalam lagu dan filem-filem P. Ramlee begitu mendalam sehingga mesej-mesej dakwah dapat dikesan dengan mudah.

Tahap pemikiran tasawuf P. Ramlee begitu tinggi dan melalui kebijaksanaannya, beliau dapat menterjemahkan begitu banyak mesej-mesej dakwah yang positif, kritikan halus dan motivasi kepada masyarakat. Dalam berjenaka, mesej dakwahnya sampai dalam bentuk santai dan mudah diterima oleh penonton dan pendengar.

Satu lagi aspek yang tidak sedari ialah wujudnya unsur-unsur MADANI dalam lagu dan filem karya P. Ramlee. Kesejahteraan, kemampanan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan tergambar dalam karya-karya beliau. P. Ramlee menterjemahkan visi tentang MADANI dalam keluarga, masyarakat dan negara.

Mesej dakwah yang disampaikan oleh P. Ramlee adalah unik kerana ia dipersembahkan dalam bentuk yang cukup bersahaja, halus dan berseni.

Semasa kecil dahulu, saya memang tidak akan berganjak dan sangat fokus pandangan kita ke peti tv atau layar “wayang pacak” di kampung-kampung menonton filem-filem P. Ramlee beramai-ramai.

Plot twist penceritaan kebanyakan filem beliau kadangkala tidak dapat dijangka. Misalnya, jika kita pertama kali menonton filem *Musang Berjanggut*, *Ibu Mertuaku*, *Nجوم Pak Belalang* atau *Anakku Sazali*, kita memang akan teruja dan tertanya-tanya kesudahan ceritanya. Filem-filem P. Ramlee tidak menjemukan, walaupun ditonton berkali-kali.

Sumbangan P. Ramlee kepada seni dan budaya Melayu dan Islam di Alam Melayu. Beliau patut dikenang sebagai Seniman Agung yang layak dicontohi sisi baik dan mesej dakwahnya yang masih relevan hingga ke hari ini.

Dialog-dialognya masih diingati sehingga kini sehingga begitu banyak diparodikan di media sosial. Mesej dan pengajarannya kena pada diri hampir semua orang. Sindiran dan kritiknya tepat mengenai sasaran.

Sebahagian besar daripada filem-filem dan lagu-lagunya masih relevan hingga sekarang. P. Ramlee benar-benar mendahului zamannya. Idea dan pemikirannya begitu ke hadapan.

Lagu-lagu dan filem-filem P. Ramlee jelas memberikan warna Melayu dan boleh dikatakan mewakili jati diri Melayu. Komedinya memang sangat melucukan. Ada yang ketawa terbahak-bahak sampai keluar air mata! Dramanya begitu menusuk jiwa sehingga kita menangis.

Kita sangat beruntung kerana memiliki Seniman Agung yang menjadi khazanah seni dan budaya. Seorang P. Ramlee bukan sahaja menjadi kebanggaan bangsa Melayu, tetapi juga sebagai ikon seni Alam Melayu dan negara yang tiada duanya.

Maka benarlah kata P. Ramlee: *“Aku akan hidup seribu tahun lagi!”* P. Ramlee hidup dalam jiwa bangsa Melayu.

Beliau adalah legenda. Legasinya diakui dan diiktiraf di peringkat antarabangsa, menyamai populariti petinju Muhammad Ali. Pelawak Charlie Chaplin dan pelakon MGR pada zamannya.

Bagi saya, P. Ramlee bolehlah dianggap sebagai seorang “Wali Seni Melayu”. Sumbangan dan baktinya tetap dikenang dan karya-karyanya masih relevan hingga ke hari ini.

Pelbagai usaha perlu diketengahkan untuk terus menghargai P. Ramlee sebagai Seniman Agung yang tiada duanya. Selain parodi dan filem kisah hidupnya, kita mungkin boleh menerbitkan komik dan animasi filem-filem P. Ramlee, jika tidak melanggar Akta Hakcipta. Begitu juga kata-kata dan dialog filem-filem P. Ramlee boleh dijadikan emotikon di media sosial.

Sesiapapun yang mengkaji tentang seni budaya Melayu tidak akan lengkap menyelidikannya jika tidak mengambilkira peranan P. Ramlee. Kita menanti lebih banyak kajian ilmiah tentang tokoh hebat ini pada masa akan datang!

PENUTUP: AL-FATIHAH

Sebagai peminat, pengkaji dan pengkagum P. Ramlee, marilah kita sedekahkan *al-Fatihah* kepada beliau dan rakan-rakannya yang telah pergi buat selama-lamanya.

Kita doakan agar roh mereka ditempatkan di kalangan orang yang beriman dan diterima amal baik mereka di sisi Allaah *Subhanahu wa Ta’ala*.

Kita patut mengambil iktibar dan pengajaran atas segala sumbangan P. Ramlee dan rakan-rakannya bagi menyuburkan sifat kemanusiaan dalam bentuk nilai, nasihat, pendidikan dan dakwah beliau dalam filem, lagu dan karakter uniknya.



BIBLIOGRAFI TERPILIH

1. Abdullah Hussien. 1973. *Kisah Hidup Seniman Agung P. Ramlee*. Kuala Lumpur: Penebitan Utusan Berhad.
2. Ahmad Idris (ABI). 1987. *Filem Melayu Dulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Marwilis Publications.
3. Ahmad Sarji & James Harding. 2002. *P. Ramlee: The Bright Star*. Selangor: Pelanduk Publications.
4. Ahmad Sarji. 1997. *Koleksi Jalan-jalan Cerita Beberapa Filem Lakunan Bintang Filem Legenda P. Ramli, Tan Sri*. Kuala Lumpur: Kelab Havard di Malaysia.
5. Anuar Nor Arai. 2002. "Aspek Sinematografi dan Pengarahan dalam Semerah Padi, Antara Dua Darjat dan Ibu Mertuaku". Kertas Simposium Karya Seni anjuran Akrib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
6. Awang Azman Awang Pawi & Khor Chooi Lian (Ed). 2005. *P. Ramlee Di Cakera Nusantara*. Sarawak: Unimas.
7. Baharuddin Latiff. 1983. *Krisis Filem Melayu*. Kuala Lumpur: Insular Publisihing House.
8. Charles A. Valentine. 1972. *Culture and Poverty*. United State of America: The University of Chicago.
9. Daniyar Kadir. 2015. *Membedah P. Ramlee*. Kuala Lumpur: DuBook Press.

10. *Galeri Ramlee*. 1991. Pulau Pinang: Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang.
11. Hamsan Mohamed. 2004, *Pengarah dan Sinematografi P. Ramlee. & Hussein Hanif*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
12. Hidir Ali Razali. 2024. *P. Ramlee: Tiada Yang Kedua*. Kuala Lumpur: Patriots Asia Sdn. Bhd.
13. Jamil Sulong. 1990. *Memoir Seorang Pengarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
14. Marlina Manja Che Baharum. 1998/1999. *Unsur-unsur Kemasyarakatan Filem-filem P. Ramlee dan Implikasinya*. Latihan Ilmiah, Institut Teknologi Seni Melaka.
15. Muhammad Abdullah Suradi. 2025. *P. Ramlee Teguk Ilmu Dengan Sheikh Abdullah Fahim*. Petaling Jaya: Hijjaz Record Publishing.
16. Mustafar AR. 2019. *50 Tahun Filem Malaysia & Singapura (1930-1980)*. Ampang, Selangor: Pekan Ilmu Publications Sdn Bhd.
17. Nasir P. Ramlee. 2007. *Bapaku P. Ramlee*. Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd.
18. *P. Ramlee: Seniman Agung Dunia Melayu (Kumpulan Kertas Kerja Simposium Karya Senia Seniman Agung P. Ramlee)*. 2002. Kuala Lumpur: Arkib Negara.
19. Raihani Mohd Saaid. 2022. *Suara Nusa Dalam Filem-filem P. Ramlee*. Petaling Jaya: The Biblio Press.
20. Ramli Ismail. 1998. *Kenangan Abadi P. Ramlee*. Kuala Lumpur: Adhicipta Sdn Bhd.
21. *Remembering a Legend*. 2005 (189th Anniversary 1816-2005, Penang Free School).
22. Suhanim Abdullah & Rosnaani Hamid. *Gelagat Perkahwinan Melayu Islam Menerusi Filem P. Ramlee*. 2018. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
23. *Sepanjang Riwayatku P. Ramlee*. 2020. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
24. Tan Sri Yussof Latiff, 2024. Kertas kerja “P. Ramlee Seorang Insan Permata Seni Yang Genius”. (Dibentangkan dalam Majlis Syarahan Tun Ahmad Sarji Siri Ke-3, UKM pada 0 Ogos 2024).
25. Wan Hamzah Awang. 1993. *Manusia P. Ramlee*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

26. Wan Hashim Wan Teh. 2024. *P. Ramlee: Lagu Cinta dan Filem*. Bangi: Casamas Resources.
27. Yusnor EF. 2000. *P. Ramlee Yang Saya Kenal*. Selangor: Pelanduk Publications.
28. Zakiah Hanum. 1984. *Senandung Seniman Agung*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
29. Zulkifli Haji Ahmad. 1973. *Eksplotasi Terhadap Bintang Filem (1938-1974)*. Kuala Lumpur: Jamil dan Shah Enterprise.

WAWANCARA

1. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Mohd. Yusoff Latiff di Pulau Pinang pada 23 Disember 2024.
2. Tuan Abdul Malik Meera Mohamed, Pembantu Operasi Galeri P. Ramlee Pulau Pinang pada 24 Disember 2024.
3. Ustaz Shahid Abdul Latif, Imam Masjid Sultan, Singapura pada 17 Disember 2024.
4. Tuan Haji Salleh Rasip, Jemaah Masjid Sultan (yang berasal dari Masjid Tanah, Melaka) di Singapura pada 16 Disember 2024.
5. Tuan Ng Kim Soi (Ah Kim), pemilik Kedai Gunting Rambut Ah Kim di Rembau, Negeri Sembilan pada 11 Januari 2025.
6. Dr. Kamari Kasan, penceramah motivasi, pada 20 Februari 2025.
7. Tuan Haji Abdul Razak Hussin, mantan Pendaftar UKM pada 23 Mac 2025.
8. Profesor Emeritus Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh, Profesor Pengurusan Pertahanan di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Presiden Pertubuhan Melayu-Polinesia Sedunia (WMPO) pada 30 Mei 2025.

PENULIS

BAHARUDIN ALI MASROM AL-HAJ @ DR. BAM AL-HAJ adalah seorang OKU Fizikal. Beliau berasal dari Kg. Sg. Leman, Sekinchan, Selangor. Beliau mempunyai pengalaman selama 35 tahun dalam bidang latihan pembangunan dan pengurusan sumber manusia.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah Biro Tatanegara (BTN) Negeri Selangor, Jabatan Perdana Menteri; Pegawai Khas kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor; Pengurus Pembangunan Insan, dan kemudian sebagai Pengurus Kanan Komunikasi Korporat di Yayasan Selangor. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai pensyarah di OUM.

Beliau bersekolah di SK Sg. Leman, SMK Dato' Mustaffa, STAR Klang dan SMK Dato' Harun, Tg Karang, Selangor. Beliau adalah alumni UKM berkelulusan *B.A.(Hons) (1986)* dan *Diploma Pengajian Islam (1989)*; dan merupakan Ahli Kehormat Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM (sejak 2013) dan Penyelidik Arkib Negara sejak 2009.

Beliau juga adalah mantan Naib Presiden PKPIM, Mantan Exco *Malaysian-Saudi Arabian Friendship Society* dan mantan ALK Koperasi Buku Malaysia Berhad. Beliau kini adalah Presiden *Malaysia Enterpreneurship and Industry Coach Chamber (MENTIC CHAMBER)*, Naib Pengerusi Yayasan Kasih Warga Emas Malaysia (YAWAMAS) dan Pengerusi Persatuan Kebajikan OKU Madani Selangor.

Beliau telah menulis 21 buah buku dalam pelbagai topik. Antaranya ialah *Politik Melayu Abad 21 (1989)*, *Ikon Dua Zaman: Tun Perak dan Tun Razak (2010)*, *Motivasi Daripada Tuhan (2013)*, *Gerakan Reformasi Dua Dekad (2022)*, *Menang 4-0 Ketika Ramai Yang Kalah (2022)*, *Back to Basics 561: God-Inspired Motivation (2023)*, *Anak Muda Pemimpin Masa Depan: Jati Diri, Patriotisme dan Bina Negara (2024)*, *Dari Penjara Ke Puncak Kuasa: Sukarno, Mandela, Erdogan dan Anwar Ibrahim (2024)*, *Geng Subuh Macam Solat Jumaat (2024)*, *Adab Yang Hilang dan Pengenalan Kitab Adabul Insan (2024)* dan *Membangun Usahawan Madani (2024)*. Beliau sudah menyiapkan buku *P. Ramlee Ikon Interiti, Perpaduan dan Patriotisme* dan buku *Kuasa Diam (The Power of Silence)* (dalam proses penerbitan).

Minatnya terhadap P. Ramlee tidak pernah pudar sejak zaman kanak-kanak lagi. Baginya mesej dakwah P. Ramlee melalui karakter, filem dan lagu begitu berkesan, mendalam dan masih relevan hingga kini.

Beliau kini adalah penulis buku (*writer for hire*) sepenuh masa. Beliau boleh dihubungi melalui email bam.alhaj2@gmail.com dan WA 0198709432.